

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABDUL KADIR [SETIU]

SOALAN NO. 412

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah untuk mengatasi masalah keluasan klinik yang sama namun bilangan penduduk semakin bertambah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum tentang pertambahan populasi penduduk dan kedatangan pesakit yang semakin meningkat di klinik-klinik kesihatan di seluruh Malaysia. Di Terengganu, fasiliti klinik kesihatan terletak di bawah perkhidmatan Kesihatan Primer, meliputi 49 buah klinik kesihatan (KK), 15 buah Klinik Komuniti dan 128 buah klinik desa (KD) di seluruh negeri.

Trend kedatangan pesakit bagi mendapatkan rawatan di Unit Pesakit Luar meningkat sebanyak 30.3% untuk 5 tahun dari 1,121,917 pesakit pada tahun 2013 kepada 1,461,879 pesakit pada tahun 2018. Purata peningkatan tahunan pula adalah sebanyak 5.5% setahun. Menyedari hakikat ini, pihak KKM melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Terengganu mengambil langkah proaktif dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Membuat perancangan pembangunan fasiliti kesihatan, sama ada membina KK yang baru, membuat penggantian KK lama kepada baru dan menaik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan Jenis 7; dan

NO SOALAN : 412

- ii. Mengurangkan kesesakan di KK dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan di Klinik Komuniti.

KKM sentiasa peka dengan keperluan bagi pembinaan klinik kesihatan baharu dan naik taraf serta telah mengemukakan permohonan sebagai projek-projek di bawah RMK (berdasarkan *Rolling Plan*). Walau bagaimanapun, perkara tersebut bergantung kepada keutamaan, kelulusan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.